

20 negara dijangka sertai Hari Peladang

UM - 7 SEP 2002

KUALA LUMPUR 6 Sept. — Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) kali ini akan disambut secara besar-besaran berikutan penyertaan bersama Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Pertanian (MAHA) dan Agritech Malaysia 2002.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor berkata, pameran itu yang diadakan di dewan Pameran Antarabangsa Mines di sini, pada 1 hingga 6 Oktober depan mendapat 350 penyertaan dari 20 buah negara.

Katanya, MAHA diadakan bagi membolehkan pelbagai syarikat tempatan dan luar negara memamer dan memperkenalkan teknologi pertanian, produk serta perkhidmatan yang dimiliki.

"Sebelum ini sambutan

MAHA diadakan setiap tahun bersama HPPNK tetapi kali ini ia diadakan dua kali setahun bagi membolehkan pihak penganjur dan para peserta membuat persiapan rapi.

"Sehingga hari ini kita telah mendapat pengesahan lebih daripada 350 penyertaan dari 20 buah negara yang menyatakan persetujuan untuk menyertai MAHA, kami yakin jumlah itu kan bertambah di saat akhir kelak," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Katanya, antara negara-negara terbabit termasuk Belgium, India, Iran, Itali, Brazil, Jerman, China, Myanmar, Poland, Myanmar Afrika Selatan, Singapura, United Kingdom dan banyak lagi.

Abi Musa berkata, daripada negara terbabit, China mengemukakan penyertaan 35 syarikat diikuti oleh India — 12 syarikat.

Katanya, perasmian dan sambutan 'HPPNK dan MAHA Agritech Malaysia 2002,' ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1 Oktober pada pukul 2.30 petang.

Mengulas lanjut Abi Musa berkata, antara aktiviti yang akan diadakan sempena sambutan HPPNK dan MAHA 2002 yang bertemakan 'Transformasi Pertanian Melalui Teknologi,' termasuk Konvensyen Peladang, Penternak dan Nelayan.

"Selain daripada itu kita juga akan mengadakan pameran pertanian terbesar di Asia melibatkan kawasan seluas 3.6 hektar di sekitar Mines," katanya.

Tambah Abi Musa, sebuah 'astaka rumah hijau,' yang mempersembahkan hasil penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian serta pameran bunga-bunga, buah-

buahan tropika, butik orkid dan tumbuh-tumbuhan tropika turut diadakan.

Bagi membolehkan orang ramai menikmati makanan antarabangsa, kata Abi Musa, pihaknya turut menyediakan 'medan selera antarabangsa' yang akan menghidangkan makanan antarabangsa antaranya dari Italy, Iran, Brazil, United Kingdom, Poland, Mesir dan banyak lagi.

"Dari kawasan seluas 3.6 hektar itu, kita turut memperuntukan 2.4 hektar iaitu di luar MINES bagi mengadakan pameran ternakan hidup antaranya pameran biri-biri, burung unta, rusa, unta dan banyak lagi. Di kawasan tersebut turut diadakan aktiviti menunggang kuda dan memerhati pelbagai unggas," ujarnya.